

# Qalam

---

---

Bilangan 104      Ramadhan 1378      Mac 1959      60 sen

---

---

Singapura telah berjalan menuju kepada berkerajaan sendiri. Hampir empat tahun sudah bahawa Singapura di dalam perkara mengenai hal-ehwal dalam negeri telah diperintah oleh wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat, bagi mentadbir negeri ini setelah kita merasai di bawah pemerintahan yang disebut “penjajah”.

Demikian juga di dalam jemaah bandaraya pertadbirannya sekarang pun telah ditadbir dan diperintah oleh suatu tubuh yang dinamakan wakil-wakil rakyat atau mereka yang mewakili rakyat.

Kepada umat adalah ditunjukkan bahawa pemerintahan yang terdiri daripada rakyat sendiri itu adalah tujuannya untuk membawa kemakmuran kepada rakyat, untuk menyenangkan menjalankan undang-undangnya yang dibuat oleh rakyat untuk rakyat sendiri.

Hampir empat tahun lamanya pertadbiran yang berjalan sekarang rakyat mendapati bahawa perbelanjaan tahunan semakin hari semakin banyaknya kekurangannya – dan untuk menutup kekurangan ini sudah tentu cukai-cukai naik yang bermakna rakyat semakin besar! Ke mana pun dituju maka kesudahannya pergi kepada rakyat juga yang menderitanya – dan kerana itu maka rakyat pun terasa benar bebanan itu.

Keadaan kehidupan bukannya semakin makmur seperti yang diharap bahkan pekerjaan-pekerjaan semakin kurang - dan modal-modal semakin putus kerana pemodal-pemodal telah banyak menarik modalnya.

Akibat daripada ini, dan daripada pertadbiran-pertadbiran lain yang dibuat dalam masa pemerintahan sendiri ini telah membawa kepada banyak orang-orang yang tidak bekerja; dan kerana itu pula pertubuhan-pertubuhan siasah yang cuba hendak mencari pengaruh salah menyalahkan di antara satu dengan lain; sedang di dalam pertengkaran itu kita melihat sendiri, yang jadi korban tidak lain daripada rakyat sendiri; bahkan daripada pertengkaran-pertengkaran itu pula, untuk mencari pengaruh wang rakyat terkorban.

Di dalam pertengkaran ini pula, masing-masing pihak menghendaki perhatian rakyat untuk ini, asalkan rakyat dapat dipengaruhi, tidak mengapa undang-undang dilanggar. Pelanggaran undang-undang yang belum diubah daripada mulanya itu dipandang tidak mengapa asalkan sahaja rakyat dapat dipengaruhi oleh parti-parti siasah yang memegang tampuk pemerintahan sama ada di dalam kerajaan atau pun di dalam jemaah bandaran.

Cuba perhatikan beberapa contoh di dalam perkara-perkara bandaran Singapura yang ada mempunyai peraturan-peraturan dan undang-undang yang tertentu terhadap kepada penjaja-penjaja. Untuk kebersihan maka undang-undang wajib dijalankan dan bagi orang-orang yang ingkar maka hendaklah ia ditangkap.

Dalam perkara ini dua jabatan yang berkenaan – yang pertama jabatan penjaja dan yang kedua jabatan polis. Jabatan penjaja adalah berkewajipan mengawal penjaja itu jangan membuat kotor dan membuat sesukanya sahaja sedang jabatan polis adalah berkewajipan menjaga supaya

jalan raya, tempat orang lalu lalang jangan tertutup oleh penjaja-penjaja itu.

Semuanya dibuat untuk mengawal kebersihan bandar raya Singapura tetapi apabila pegawai-pegawai yang berkenaan menjalankan tugasnya maka pihak mereka-mereka yang dikatakan “wakil rakyat” membantah dengan alasan untuk memberi timbang rasa dan pegawai-pegawai yang menjalankan tugasnya mengikut undang-undang itu ditegur sebagai melakukan sesuatu kesalahan dalam menjalankan tugasnya bekerja menjalankan undang-undang yang telah bertulis untuk kebersihan di dalam bandar raya sendiri.

Akhirnya penjaja-penjaja berleluasa – kebersihan yang dikehendaki tidak dapat dikawal lagi. Pegawai-pegawai penjaja terpaksa memejamkan mata melihat perkara-perkara yang tidak pernah terbiar dahulu. Orang-orang berjual ayam sekarang boleh menaruh sangkarnya – bukannya di kaki lima tetapi di tengah jalan – menyang ayam di sana – menyembelih di sana dan seterusnya penjaja-penjaja terus menutup jalan raya sehingga kenderaan tidak dapat lalu, sedang polis terpaksa menutup mata atas pelanggaran lalu lintas terhadap kepada penjaja-penjaja yang menutup jalan sedang jika sesebuah motokar salah taruh atau cuba menutup sedikit jalan raya maka di dalam beberapa saat sahaja terletak sekeping surat di atas motokarnya menyuruhnya hadir ke pejabat lalu lintas kerana telah melanggar kesalahan-kesalahan itu. Dengan ini orang bertanya: “Apakah ada perbezaan-perbezaan terhadap kepada tugas melaksanakan undang-undang? Apakah ada perbezaan-perbezaan di dalam kesalahan-kesalahan yang dilakukan orang?”

Ini mengenai penjaja-penjaja. Mengenai perumahan pula keadaannya semakin hebat lagi. Di tanah-tanah kosong, merujuk rumah-rumah baharu, didirikan dengan tidak ada permit. Rumah-rumah berdiri membujur lalu melintang patah – tidak lagi tersusun sedang pegawai-pegawai yang ditugaskan di dalam

perkara ini berdiam sahaja - walaupun bertindak di atas rumah-rumah yang dibuat di atas tanah-tanah kerajaan.

Harus pernah pula terjadi, seseorang melihat sebuah tanah kosong. Dengan tidak peduli siapakah yang punya tanah itu maka ia terus sahaja mendirikan rumah di situ dengan sesukanya. Setelah diketahui oleh yang punya tanah dengan kecerobohan itu, tentu sahaja ia akan memberi notis suruh robohkan rumah itu, kerana tanah tempat didirikan rumah itu adalah haknya yang dilindungi oleh undang-undang,

Setelah menerima notis itu, kerana sekarang pemerintahan dari rakyat untuk rakyat, orang yang membuat rumah itu mengadu kepada Ketua Menteri umpamanya, dan kerana mengambil hati rakyat maka Ketua Menteri harus pula meminta kepada tuan punya tanah untuk memberi timbang rasa terhadap kepada orang yang telah melanggar undang-undang mendirikan

#### **Buku-buku untuk umum dan sekolah-sekolah:**

- |    |   |         |
|----|---|---------|
| 1. | Pelajaran Sembahyang I  | \$ 1.20 |
| 2. | “ “ “ “ “ “ II mengenai imam, makmum, masbuk, jenazah dan lain-lain | \$ 1.20 |
| 3. | Mari Sembahyang (untuk kanak-kanak lelaki)                          | \$ 1.20 |
| 4. | Mari Sembahyang (untuk kanak-kanak perempuan)                       | \$ 1.20 |
| 5. | Ibadah Rasulullah (S. A. W) (tinggal sedikit)                       | \$ 3.00 |
| 6. | Panduan Membaca dan Menulis Jawi                                    | \$ 1.50 |
| 7. | Baca I  | \$ 1.00 |

#### **Buku-buku Sejarah:**

- |    |   |         |
|----|---|---------|
| 1. | Muhammad <i>ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam</i> 1 | \$ 1.20 |
| 2. | “ “ “ “ “ “ 2                                   | \$ 1.20 |

rumah di tanah orang lain dengan tidak ada kebenaran dan tidak pula mengikut undang-undang mendirikan rumah.

Ertinya ini, Ketua Menteri diminta untuk mencampuri perkara-perkara pelanggaran undang-undang yang seharusnya dipertahankan oleh Ketua Menteri sendiri - sekalipun surat yang ditulisnya itu harus hanya dengan sifatnya sebagai batang tubuhnya sendiri jua.

Dengan beberapa contoh ini, dan banyak perkara-perkara yang boleh dibuat contoh lagi maka orang ramai ada hak bertanya: Apakah undang-undang itu sekarang tidak dipertahankan lagi - dan yang menjadi undang-undang itu hanya kemahuan daripada pemimpin-pemimpin yang dilantik oleh rakyat sahaja?

Jika ini yang dibuat maka keselamatan negara tidak akan diharap, ertinya pemerintahan akan menjadi campur aduk - hak orang yang dilindungi oleh undang-undang akan boleh diperkosa oleh sesiapa pun disebabkan undang-undang

itu tidak dipertahankan; dan seseorang itu boleh membuat sesukanya di atas hak-hak orang - siapa lu siapa gua - kerana undang-undang itu tidak ada yang menjalankan dan mengawalinya serta mempertahankannya - yang menjadi sebab seseorang yang kuat boleh memerah orang-orang yang lemah - undang-undang berjalan di dalam kekuatan yang kuat sahaja.

Semoga pertadbiran negeri ini terkawal daripada perbuatan-perbuatan orang-orang kuat terhadap orang-orang lemah itu - inilah harapan kita - ertinya undang-undang itu hendaklah dijalankan ke atas sesiapa jua pun dengan tidak memilih siapa yang melanggar undang-undang itu. Inilah sahaja suatu perkara yang mengawal keselamatan rakyat amnya.

Kalau difikirkan undang-undang tidak lengkap, maka hendaklah diubah undang-undang itu sebelum tindakan-tindakan dibuat jangan undang-undang itu dilanggar.

BUKU-BUKU ITU IA-LAH:

1. Surat Menyurat ( <i>Rumi</i> ) ... ..	\$ 2.00
2. Balek dari Medan Perjuangan ... ..	1.00
3. Sisa Neraka Dunia ... ..	1.20
4. Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang	2.00
5. Tinjauan Sastera ... ..	1.50
6. Keris Sempena Riau ... ..	1.00
7. Tunas Baru Buku A. B. C. ... ..	1.50
8. Panduan Membacha dan Menulis jawi ... ..	1.50
9. Bacha I ( <i>jawi</i> ) ... ..	1.00
10. Surat Menyurat ( <i>jawi</i> ) ... ..	1.80

BUKU-BUKU PENGETAHUAN dan CHERITA

10. Surat Menyurat ... ..	2.00
11. Pendidekan ... ..	1.20
12. Akhlak ... ..	1.20
13. Sejarah Perak Dahulu Dan Sekarang	2.00
14. Jalan Ka-Kota Bharu ... ..	1.50
15. Penglipor ... ..	1.50

BUKU-BUKU SEKOLAH

16. Tunas Baru Buku A. B. C. ( <i>tiga warna</i> )	1.50
17. Tunas Baru ( <i>buku pertama</i> ) ... ..	1.00
18. * " " ( <i>buku kedua</i> )	
19. * Senang Bacha I ( <i>untuk pelajar bukan Melayu</i> )	
20. * " " II	

\* *Buku<sup>2</sup> ini siap awal bulan December 1958*